

BANGUNAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dalam usaha merekabentuk satu bangunan Perpustakaan Negara Malaysia yang mengutamakan fungsi sepenuhnya pada struktur bangunan supaya dapat menampung segala keperluan masa ini dan perkembangan masa hadapan Jabatan serta mencerminkan dalam rekabentuknya tradisi kebudayaan asli negara ini, rekabentuk yang telah disediakan membayangkan tiga bahagian lengkap yang bergabung, tiap bahagian mempunyai paras yang berlainan tingginya dan berkemuncak kepada satu bentuk bumbong yang melambangkan tiga tanjak, iaitu simbol hiasan kepala orang Melayu.

Pada masa ini Perpustakaan Negara Malaysia ditempatkan di beberapa buah bangunan swasta dan sebuah bangunan kerajaan di sekitar Wilayah Persekutuan. Keadaan ini menyukarkan perhubungan dan kelancaran pentadbiran serta perkhidmatan PNM malahan keselamatan koleksi nasional itu tidak terjamin.

Projek Bangunan PNM telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Kedua. Di bawah rancangan ini PNM mendapat peruntukan sebidang tanah seluas 6 ekar berhampiran dengan Muzium Negara. Tetapi tanah tersebut telah diambil balik kerana projek jalan raya di bawah pelan induk Kuala Lumpur. Pada tahun 1978, sebidang tanah seluas 5.08 ekar di Jalan Pekeliling telah diperuntukkan untuk projek bangunan PNM. Bangunan ini akan mempunyai keluasan lantai sebanyak 238,000 kaki persegi. Projek ini pada mulanya dianggarkan menelan belanja sebanyak \$25 juta dan dijangka siap pada akhir tahun 1984. Walau bagaimanapun memandangkan keadaan inflasi dan meleset pada masa ini perbelanjaan membina bangunan yang sama dijangka melebihi jumlah tersebut dan dianggarkan menelan belanja \$44 juta.

Beberapa masalah asas seperti kekurangan wang dan kelulusan rekabentuk bangunan yang sesuai telah melambatkan pembinaan bangunan PNM ini. Walau bagaimanapun pada awal tahun 1981, pelan binaan telah diluluskan oleh YAB Perdana Menteri dan juruperunding telah dilantik. Persiapan terakhir sedang dijalankan untuk memulakan pelaksanaan projek bangunan PNM.

Hiasan kepala orang Melayu yang bermacam-macam bentuk, dari tanjak atau tengkolok kegunaan di Raja yang dianggap mulia hingga kepada semutar atau kain ikatan kepala kaum nelayan di Pantai Timor Semenanjung Malaysia yang berbagai warna, kegunaan dan mudah dibawa, melambangkan satu dari ciri-ciri perkembangan kebudayaan penduduk di daerah ini. Ianya juga melambangkan pencapaian yang paling tinggi dalam perkembangan kebudayaan Melayu, satu tradisi kebudayaan Islam dan satu sistem dan adat resam beraja yang berkembang sebahagian besarnya dalam Zaman Hindu. Kain songket yang mempunyai berbagai warna dan corak rumit dilipat dengan begitu teliti sebagai tanjak yang berbagai gubahan dan bentuk, dan kain semutar yang berbagai warna dan kegunaan dengan tersendirinya mencerminkan satu tradisi yang diwarisi tanpa perubahan turun-temurun, walaupun terdapat persaingan hebat teknologi moden.

Pemilihan tanjak untuk mencerminkan tradisi kebudayaan negeri ini adalah juga satu percubaan untuk menunjukkan perhubungannya dengan perkembangan pemikiran manusia, sementara penggabungan tiga tanjak dalam bentuk senibina bangunan pula mencerminkan tiga tujuan besar Perpustakaan Negara Malaysia, iaitu:

- (1) Pengumpulan dan pemeliharaan bahan-bahan bercetak dan rekod-rekod lain yang mengandungi segala warisan pemikiran, penulisan dan kebudayaan negara ini untuk memenuhi hasrat Kebangsaan.
- (2) Persediaan kemudahan untuk perolehan, penggunaan dan penyebaran maklumat terkumpul mengenai manusia untuk perkembangan pemikiran penduduk negara ini.
- (3) Perkembangan kerjasama dan lain-lain struktur di peringkat negara, daerah dan antarabangsa untuk perkongsian segala bahan-bahan dan kemudahan perpustakaan dan untuk mencapai persefahaman di peringkat antarabangsa dan mengeratkan tali persaudaraan antara satu sama lain.

